

02/06/2003

Malaysia terap pengetahuan kembali maruah negara Islam

Wan Hazmir Bakar

IRAN mungkin bukan negara yang dipandang tinggi di kalangan 56 negara anggota lain dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Ia juga bukan negara yang diharapkan dapat menawarkan kepemimpinan bagi mengembalikan perpaduan dan maruah umat Islam dunia yang sudah lama hilang atau mengikis

imej keganasan yang diberikan masyarakat dunia kini.

Perbezaan mazhab negara Parsi itu dengan majoriti negara anggota OIC lain, yang antara penyebab rosaknya perpaduan umat Islam sejak lama dulu,

tidak memungkinkan kepemimpinan Iran diterima negara anggota lain.

Negara Islam lain juga masih sangsi dengan Iran sejak revolusi yang dicetuskan Ayatollah Ruhollah Khomeini menumbangkan rejim Shah Iran pada 1979. Apakah Iran masih mahu mengeksport revolusi Islamnya itu ke negara mereka, sekali gus menggugat pemerintahan masing-masing?

Persoalan itu serta imej Iran pada pandangan politik dunia masa kini serta keadaan ekonominya yang lemah, menjadikan Iran negara yang tidak banyak bezanya dengan Iraq ketika peringkat pemerintahan Saddam Hussein. Dunia, terutama kuasa besar, lebih mengagumi sumber minyak kedua-dua negara itu daripada kepemimpinan mereka. Malah, Iran juga dikatakan akan menerima nasib sama seperti Iraq.

Namun, jika kandungan dan nada Deklarasi Teheran dijadikan kayu pengukur, Iran sebagai tuan rumah Persidangan Menteri Luar OIC (ICFM) Ke-

30 berjaya menjurus persidangan itu untuk mengukuhkan perpaduan negara Islam yang berada pada tahap paling rendah ketika Iraq diserang Amerika Syarikat dan sekutunya - sekurang-kurangnya di atas dokumen rasmi yang dipersetujui 57 Menteri Luar OIC. Persidangan tiga hari itu berakhir kelmarin.

Deklarasi yang menggariskan 21 daripada 176 ketetapan persidangan yang bertemakan 'Perpaduan dan Maruah Ummah' itu menolak kempen pembohongan serta ancaman terhadap negara Islam dan berikrar memberi sokongan kepada negara anggota yang menghadapi tekanan, ancaman dan campur tangan luar.

Menteri Luar OIC yang mengulangi iltizam memerangi keganasan juga menolak penggunaan kekerasan dan tindakan unilateral yang mengancam kedaulatan negara serta membelakangkan undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Selain mengutuk dasar ganas dan pendudukan berterusan Israel di Palestin

serta wilayah Arab, mereka menggesa Amerika, Russia, Kesatuan Eropah dan PBB, menerusi pelan damai merealisasikan semua hak rakyat Palestin bagi penyelesaian yang adil dan berpanjangan di Asia Barat.

Mereka juga menuntut penghapusan menyeluruh senjata pemusnah dan menggesa semua negara, terutama negara kuasa nuklear, menekan Israel supaya menerima perjanjian pelucutan senjata dan meletakkan semua kemudahan nuklearnya dalam pengawasan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Secara ringkasnya, setiap perenggan deklarasi itu lantang menyatakan pendirian dan mempertahankan umat Islam di seluruh dunia yang diasak dan

dihina, khususnya selepas Peristiwa 11 September. Ia juga bertujuan mengikis palitan tuduhan yang mengaitkan Islam dan umatnya dengan keganasan, lebih-lebih lagi dengan siri serangan bom berani mati yang menggegarkan Riyadh dan Casablanca seminggu sebelum persidangan itu.

Apakah negara Islam sudah mengeratkan silaturahim dengan memberi sokongan kepada Iran yang sedang diancam Amerika, bagi mengelak satu lagi negara Islam daripada menjadi mangsa Washington selepas Iraq? Apakah ia sekadar retorik pada setiap kali persidangan sebagai membuktikan keimanan masing-masing di depan saudara seagama?

Presiden Iran, Seyed Mohammad Khatami, dalam ucapan perasmiannya, meminta umat Islam menguji kekuatan iman masing-masing dalam menghadapi situasi politik dunia yang amat mencabar serta penuh dengan ketakutan, keganasan, diskriminasi, kemiskinan dan peperangan.

"Apa yang membawa kita bersama pada zaman ketakutan dan harapan ini adalah Islam. Islam adalah asas kesepakatan dan perpaduan kita.

"Bagi kita, sebagaimana yang termaktub dalam kitab suci al-Quran, Islam menyeru kepada umat yang bersatu," katanya.

Namun hakikatnya, seperti inti pati ucapan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang memaparkan keadaan ummah sekarang, agama saja bukan lagi faktor kukuh yang menyatukan negara Islam bagi menentang musuh demi kepentingan umat Islam.

Katanya, paksi kuasa dunia yang ada sekarang tidak memihak kepada umat dan negara Islam, manakala dinamik politik dunia juga sudah berubah kepada sesuatu yang menggugat perpaduan negara Islam.

Senario ini membawa pelbagai kesan dengan negara dan umat Islam kelihatan tidak lagi dihormati, manakala prejudis dan pandangan negatif masyarakat bukan Islam semakin menebal.

Akibatnya, kata Syed Hamid, negara Islam kini mendapati lebih mudah dari segi politik untuk menyokong pendirian negara bukan Islam daripada menyokong saudara Islam yang lain. Walaupun tidak menyatakan secara terperinci, kenyataan itu jelas ditujukan kepada negara Islam yang menyokong tindakan Amerika menyerang Iraq.

"Perpaduan umat Islam sudah hilang signifikannya," kata beliau yang menjelaskan bahawa tindakan membangkitkan perkara itu bukan untuk mengkritik umat Islam, tetapi untuk menunjukkan sukarnya keadaan yang dihadapi ummah.

Malaysia juga mengingatkan persidangan itu mengenai cubaan beberapa negara untuk mewujudkan perbezaan dan pergeseran di kalangan negara Islam dalam keadaan yang sensitif sekarang bagi kepentingan mereka. Keadaan ini memerlukan umat Islam dunia sama-sama bertindak menghadapi cabaran itu.

"Mengambil iktibar daripada apa-apa juga pengajaran, adalah penting untuk kita memastikan suara kita bersama didengar dengan lantang dan jelas walaupun ia adalah satu-satunya tindakan yang boleh kita lakukan," katanya

ketika berucap hari pertama persidangan itu.

Pandangan Malaysia itu dijadikan asas lidah pengarang Tehran Times keesokannya. Akhbar itu mengakui apa yang dinyatakan Malaysia mengenai keadaan umat Islam pada masa ini adalah tepat dan benar serta menggesa Menteri Luar OIC yang menghadiri persidangan itu supaya bertindak.

Umat Islam perlu bersatu untuk menyelesaikan masalah ummah. Jika kita tidak bersatu, kita akan menjadi musuh kita sendiri yang paling dahsyat.

Malangnya keadaan musuh dalam selimut terus wujud dalam OIC seperti yang ditunjukkan beberapa negara anggota pada ICFM kali ini. Ketika anggota lain bersemangat menyeru kepada perpaduan dan bertindak supaya maruah umat Islam dapat ditebus, mereka pula berhujah sebaliknya.

Malaysia mempunyai tanggungjawab berat apabila menjadi Pengerusi OIC pada Sidang Kemuncak di Putrajaya, Oktober ini.

Negara anggota OIC yang sebahagian besarnya miskin dan lemah, meletakkan harapan yang begitu tinggi kepada Malaysia untuk menerajui pertubuhan yang sudah lama diperlekeh sebagai tidak mampu melakukan apa-apa bagi membela umat Islam seperti kependekan OIC dipersendakan sebagai "Oh I see".

Negara terbabit sedar tidak banyak yang mereka dapat lakukan dalam menghadapi situasi dunia sekarang. Malah untuk menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap lagak dan tingkah laku Amerika, satu-satunya kuasa dunia paling hebat pada masa ini, sesuatu yang amat berat. Mereka kagum dengan kelantangan Malaysia menyatakan kebenaran walaupun tindakan itu bermakna negara terpaksa menghadapi risiko tindak balas negara hyper power itu.

Risiko itulah yang kelihatan semakin hampir ditanggung Malaysia demi menyatakan kebenaran. Washington, menerusi dutanya di Kuala Lumpur, Marie T Huhtala, minggu lalu sudah mengingatkan Malaysia mengenai akibat kelantangan pemimpin negara mengkritik dasar luar Amerika, terutama berhubung serangan negara itu ke atas Iraq.

Washington bukan saja tidak senang dengan pengaruh Malaysia dalam OIC, malah terhadap negara bukan Islam seperti yang ditunjukkan apabila Malaysia menerajui Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) mulai Februari lalu. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan saja lantang mengkritik dasar Washington, tetapi menggesa dunia mengharamkan peperangan.

Bagi Washington, kelantangan suara Malaysia perlu dibendung. Jika lebih banyak negara bersuara senada dan selantang Malaysia, Amerika pastinya menghadapi masalah untuk terus berlagak sebagai sherif dunia, lebih-lebih lagi jika negara Arab yang kaya sumber minyak tersentak daripada lamunan masing-masing. Amerika takut akan perpaduan umat Islam.

Perpaduan inilah yang Malaysia akan cuba kembalikan pada Sidang Kemuncak OIC di Putrajaya Oktober depan sebagai lanjutan kepada usaha yang dicetuskan di Teheran. Pada sidang kemuncak itu, Malaysia akan

menerapkan

aspek pengetahuan bagi membawa keluar negara Islam daripada belunggu kejumudan dan kemiskinan.

Bagi Malaysia, tanpa ilmu, perpaduan yang diharapkan OIC bagi mengembalikan maruah umat Islam tidak mungkin dapat dicapai dan ia akan kekal sebagai pertubuhan yang lebih banyak bercakap daripada bertindak.

Persoalannya, mampukah Malaysia melakukannya? Sesungguhnya, keupayaan Malaysia untuk merealisasikan impian ummah itu adalah lebih baik daripada

Iran. Negara Melayu ini lebih berwibawa dan dihormati negara Islam lain berbanding negara Parsi yang lebih terkenal di mata dunia kerana sebab yang salah.

Namun, Malaysia tidak mungkin dapat melakukan seorang diri, setiap negara Islam lain perlu sama-sama berusaha mengembalikan perpaduan dan masryah umat Islam. Seperti kata Khatami dalam ucapan perasmiannya, sudah

tiba masanya untuk "umat Islam menguji kekuatan iman masing-masing."